

Media : Utusan TV

Date : 5 March 2024

Bersahur Bersama Seri-Aji 2024 semarakkan sahur di PPR

Deli: UtusanTV - March 5, 2024



Penduduk di sekitar PPR gembira menerima sumbangan disampaikan Ajinomoto Malaysia Berhad (AMB).

SEMPENA bulan Ramadan yang menjelang tiba, Ajinomoto Malaysia Berhad (AMB) bakal menganjurkan kempen Bersahur Bersama Seri-Aji 2024 dengan pelbagai aktiviti menarik di program perumahan rakyat (PPR) sekitar Lembah Klang.

AMB dalam kenyataan memaklumkan, kempen tersebut bertujuan merevolusikan penyediaan sahur menjadi pengalaman berharga, cepat dan melazatkan sepanjang bulan Ramadan.

Menurut AMB, sebanyak 25,000 isi rumah di 20 lokasi PPR berbeza juga akan merasai manfaat menerusi pek produk yang diedarkan syarikat itu sepanjang kempen berkenaan.

"Kami berharap dengan langkah ini dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan sahur dengan pilihan hidangan yang seimbang serta ringkas.

"Pada masa sama, terdapat beberapa aktiviti menarik yang akan dianjurkan di PPR Seri Alam Fasa 2 dan Dewan PPR Lembah Subang 2 termasuk demonstrasi masakan secara langsung, pengedaran makanan, permainan, aktiviti seni pasir dan cabutan bertuah," katanya dalam kenyataan itu.

Baca artikel lain: Ajinomoto x Le Creuset tawar hadiah RM38,888 sempena Tahun Baharu Cina



Mengulas lanjut, AMB memberitahu, kempen tersebut juga bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan bersahur pada bulan Ramadan dan mengeratkan hubungan silaturahim antara masyarakat.

Jelasnya, objektif utama program berkenaan termasuk menggalakkan pemakanan seimbang, mempromosikan konsep sahur yang ringkas dan menekankan keseronokan bersahur bersama keluarga.

Selain itu, syarikat berkenaan turut menyediakan pelbagai hadiah menarik bernilai RM20,000 menerusi peraduan beli dan menang sepanjang kempen Bersahur Bersama Seri-Aji 2024.

"Kempen Bersahur Bersama Seri-Aji 2024 ini telah pun bermula pada 14 Februari hingga 9 April dengan slogan 'Konfem Senang, Konfem Sedap'.

"Hadiah yang disediakan termasuk hadiah utama iaitu bar emas seberat lima gram untuk lima pemenang bertuah di samping hadiah mingguan berupa e-dompot Touch n' Go bernilai RM11,000 secara keseluruhan.

"Peserta hanya perlu memberi produk Seri-Aji bernilai RM6 untuk melayakkan diri menyertai peraduan ini," katanya.



Ruangan Aduan UtusanTV

Artikel Terbaru



Dr Akmal beri keterangan lebih dua jam di IPD Kota Kinabalu
April 5, 2024